

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	02 APRIL 2017

Kerjasama dan perkongsian strategik dipertingkatkan

Malaysia-India kukuh hubungan

Um - 2/4/2017



■ NEW DELHI 1 APRIL

MALAYSIA dan India berazam memperkukuhkan lagi hubungan dua hala sedia ada yang telah terjalin sejak enam dekad lalu demi kebaikan rakyat kedua-dua buah negara.

Dalam konteks hubungan diplomatik yang sudah memasuki ulang tahun ke-60 itu, kedua-dua negara juga mahu kerjasama dan perkongsian strategik dipertingkatkan.

Perkara tersebut dinyatakan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan rakan sejawatannya, Narendra Modi dalam satu kenyataan bersama selepas mesyuarat dua hala di Hyderabad House di sini hari ini.

Mereka juga melahirkan komitmen berterusan dalam mempromosi kepelbagaian budaya dan demokrasi bagi memajukan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan rakyat masing-masing.

Kedua-dua negara turut mencapai kata sepakat dalam beberapa perkara lain antaranya:

- Bersetuju meningkatkan kerjasama dalam bidang e-perdagangan menerusi pelbagai inisiatif digital yang ditawarkan oleh kedua-dua negara.
- Melahirkan penghargaan ke atas sumbangan syarikat-syarikat teknologi maklumat dari India khususnya yang beroperasi di Cyberjaya
- Mengutuk tindakan keganasan di rantau ini dan komitmen berterusan bagi membanteras keganasan dalam pelbagai bentuk.
- Mengekalkan persekitaran mesra perniagaan di antara



NAJIB TUN RAZAK mengadakan pertemuan dengan Presiden India, Pranab Mukherjee di Istana Presiden, Rashtrapati Bhavan, New Delhi semalam. - BERNAMA

kedua-dua negara.

- Melahirkan rasa puas hati dengan penyertaan dan pencapaian syarikat Malaysia dalam projek jalan raya di Rajasthan dan negeri-negeri lain di India.
- Mewujudkan peluang yang lebih luas untuk pertumbuhan Perusahaan Kecil dan Sederhana di kedua-dua negara.
- Memuktamadkan Perjanjian Pemindahan Banduan dalam terma-terma yang dipersetujui kedua-dua negara.
- Mempertingkatkan kerjasama dalam membanteras kegia-

tan penganas dan jenayah rentas sempadan.

- Menyambut cadangan mewujudkan kursi Ayurveda di Universiti Tunku Abdul Rahman, MoU di antara Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan Persatuan Universiti-universiti India mengenai pengiktirafan kelayakan pengajian di kedua-dua negara.
- Menyambut baik inisiatif kerajaan Malaysia untuk memperluaskan program visa percuma kepada warga India ke Malaysia.
- Bersetuju mempercepatkan MoU berhubung pekerja dan sumber manusia.

Dalam pada itu, sebanyak tujuh memorandum persefahaman (MoU) ditandatangani antara kerajaan Malaysia dan India dalam pelbagai bidang seperti sukan, perkhidmatan udara, pendidikan tinggi, pembangunan sumber manusia pengeluaran baja urea dan amonia.

Antara menteri yang hadir ialah Menteri Pertahanan Datuk Seri Hishammuddin Hussein, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Mustapa Mohamed, Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh, Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai dan Menteri Kesihatan Datuk Seri S. Subramaniam. - MINGGUAN